

SOALAN NO. : 52

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 17 November 2015

RUJUKAN : DR042

SOALAN:

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan setakat manakah program
'Sungai Untuk Kehidupan' dilaksanakan di sungai-sungai di negeri
Kelantan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang dilaksanakan di negeri Kelantan adalah program Satu Negeri Satu Sungai (*One State One River*). Program tersebut dilaksanakan di Sungai Pengkalan Chepa. Objektif pelaksanaan program tersebut adalah:

- i. Memastikan sungai bersih, hidup dan bernilai dengan mencapai kualiti air kelas II B;
- ii. Menjadikan sungai dan persekitarannya sebagai kawasan rekreasi yang semulajadi; dan
- iii. Memastikan sungai bebas dari banjir dan sampah sarap.

Sehingga tahun 2015, pelbagai aktiviti dilaksanakan di bawah program ini termasuklah:

- i. Membina dan menaiktaraf perangkap sampah, sisa makanan, minyak dan gris;
- ii. Kerja Pengindahan dan Landskap di Rizab Sungai;
- iii. Penstabilan Tebing Sungai;
- iv. Pensampelan Kualiti Air dan Penilaian Indeks Kualiti Air Sungai (WQI);
- v. Program Kesedaran Awam; dan
- vi. Pemantapan Sistem MS ISO14001:2004